



MANUAL PENGURUSAN **MODEL** PERUNDANGAN **WAKAF**

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
JABATAN PERDANA MENTERI

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
JABATAN PERDANA MENTERI**

www.jawhar.gov.my

Cetakan Kedua ... 2008

© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

Konsep & reka bentuk:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)
Jalan Chan Sow Lin
50554 Kuala Lumpur

Tel: 603-92366909/10
Faks: 603-92230397



PERUTUSAN

**Y.B. MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik serta inayah-Nya maka Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah dapat menyempurnakan penerbitan Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf (MPMPW) untuk dijadikan rujukan dan panduan yang seragam kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam penyediaan Rang Undang-Undang Wakaf di negeri-negeri. Penerbitan MPMPW merupakan sebahagian lagi siri Manual Pengurusan JAWHAR yang diharapkan akan dapat memperkuuh dan memperkemaskan pengurusan harta wakaf dengan amalan tadbir urus yang terbilang dan bertaraf dunia.

Di antara objektif MPMPW ini adalah seperti berikut:-


- Menyelaras dan menyeragamkan peruntukan undang-undang berkaitan wakaf untuk digunakan oleh MAIN.

- Memperkemas dan memberi nilai tambah terhadap peruntukan enakmen wakaf sedia ada.
- Meningkatkan kecekapan dalam pengurusan wakaf menerusi tadbir urus terbaik agar lebih efisien dan sistematik.
- Membentuk satu sistem pendaftaran dan pengurusan wakaf yang teratur dan seragam di seluruh negara.

Pengurusan wakaf terletak di bawah bidang kuasa perundangan serta eksekutif Kerajaan Negeri dan dikendalikan oleh MAIN berdasarkan kepada Akta / Enakmen / Ordinan Pentadbiran Agama Islam yang diguna pakai di negeri masing-masing. Akta / Enakmen / Ordinan yang digunakan tersebut didapati tidak seragam. Perbezaan kaedah dan tatacara yang diguna pakai tersebut menyebabkan harta wakaf sukar dibangunkan. Sehubungan itu, dengan adanya MPMPW ini diharap dapat memberi nilai tambah terhadap peruntukan perundangan wakaf sedia ada di samping membantu negeri-negeri lain yang tidak mempunyai perundangan wakaf dalam menggubal enakmen wakaf mereka sendiri.

Syabas dan tahniah saya ucapan kepada JAWHAR yang telah berjaya menerbitkan MPMPW ini untuk panduan dan rujukan kepada semua Majlis Agama Islam di setiap negeri.

والسلام



DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



SEKAPUR SIRIH

KETUA SETIAUSAHA NEGARA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana telah diberikan peluang untuk memberikan sepatah dua kata di dalam buku Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf.

Kemajuan dan pembangunan negara tidak akan dicapai dalam sekelip mata tanpa adanya usaha dan perancangan serta peraturan perundangan khusus untuk dilaksanakan bagi mencapai *outcome* yang positif. Bagi menjayakan pembangunan tanah wakaf yang terdapat di seluruh Malaysia, JAWHAR telah merangka satu enakmen undang-undang yang seragam untuk diguna pakai oleh semua Majlis Agama Islam Negeri yang merupakan pemegang amanah tunggal harta wakaf.

Antara tanggungjawab JAWHAR ialah untuk memacu keterbilangan jabatan dalam meningkatkan sistem pengurusan

harta wakaf. Inisiatif awal telah diambil oleh JAWHAR dengan menyediakan Manual ini bagi menyeragamkan peraturan dan undang-undang wakaf di seluruh negara.

Semoga usaha murni ini berjaya menghasilkan *outcome* yang gemilang seterusnya membawa JAWHAR ke tahap yang lebih terbilang dengan pencapaian sepenuhnya projek JAWHAR 2020 yang diimpikan oleh setiap warga JAWHAR.


والسلام


TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
Ketua Setiausaha Negara



SEULAS PINANG

KETUA PENGARAH
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T dan bersyukur di atas limpah kurnianya kerana Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah berjaya menerbitkan sebuah lagi siri Manual Pengurusan JAWHAR dalam bidang wakaf yang berjudul *Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf* (MPMPW) untuk dijadikan panduan kepada semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), memperkemaskan perundangan wakaf dan seterusnya meningkatkan kecekapan pengurusan harta wakaf di seluruh negara.

Saya mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan dan kerjasama khususnya kepada Pegawai-pegawai MAIN, Penasihat Undang-Undang Negeri, Jabatan Peguam Negara dan Pakar-pakar Rujuk JAWHAR. Kerjasama sebegini diharap akan berterusan untuk kemajuan institusi wakaf dan tadbir urus terbaiknya.

Di antara fungsi JAWHAR yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2004, adalah berperanan untuk merancang, menyelaras,

membangun dan memantau pengukuhan institusi wakaf. Justeru itu, JAWHAR mengambil inisiatif menerbitkan MPMPW ini untuk meningkatkan lagi tahap penyampaian perkhidmatan agensi Kerajaan dalam bidang pengurusan harta wakaf bagi penambahbaikan taraf sosio-ekonomi umat Islam.

Wakaf adalah instrumen ekonomi yang penting bagi umat Islam. Oleh itu harta wakaf perlu diuruskan dengan sempurna supaya ianya memberi manfaat kepada umat Islam. Bagi mencapai kesempurnaan tersebut, salah satu elemen yang perlu dititikberatkan adalah aspek perundangan wakaf. Ianya harus diselaraskan dalam kalangan MAIN supaya pengurusannya lebih sistematik, berdaya maju dan memenuhi keperluan perundangan wakaf semasa.


MPMPW ini diterbitkan supaya ia dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan oleh MAIN dalam mengubal enakmen wakaf negeri masing-masing. Penerbitannya juga bertujuan untuk memperkemas dan memberikan nilai tambah terhadap peruntukan dalam enakmen wakaf sedia ada.

Adalah diharapkan agar MPMPW ini diterima oleh semua MAIN untuk diguna pakai bagi tujuan penyelarasian dan penyeragaman.

Akhir kata, sebarang pandangan yang membina daripada semua pihak amatlah dialu-alukan bagi penambahbaikan perundangan wakaf di Malaysia.

Sekian, terima kasih

وَالسَّلَامُ


DR. HJ. SOHATMI PJ. MOHD SALLEH
Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Penghargaan

Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan sumbangan idea bagi menghasilkan buku Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf (MPMPW) ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), (JAKIM) dan Jabatan Peguam Negara yang telah memberi input berhubung dengan perundangan wakaf di negara ini.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Ridzuan bin Awang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahamood dari Universiti Malaya (UM) dan Penasihat Undang-Undang Negeri yang turut sama memberikan pandangan dan panduan kepada JAWHAR semasa menyediakan MPMPW.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada semua warga kerja JAWHAR yang telah membantu merealisasikan penerbitan manual pengurusan ini untuk panduan dan rujukan kita semua.

ISI KANDUNGAN

Muka surat

PERUTUSAN

Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri

i

SEKAPUR SIRIH

Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara

iii

SEULAS PINANG

Ketua Pengarah Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji

iv

PENGHARGAAN

vi

PENDAHULUAN

1

PENGENALAN

2-3

MODEL RANG UNDANG-UNDANG WAKAF

4-53

PENUTUP

54

PENDAHULUAN

Firman Allah S.W.T.:

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ نَفَقَةٍ أَوْ نَذَرْتُمْ مِنْ نَكْدِرْ فِإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُهُ، وَمَا لِلظَّالِمِينَ كِمْنَ




(Al-Baqarah Ayat 270)

Mafhumnya: Apa sahaja yang kamu nafkahkan (seperti zakat, sedekah atau derma) atau apa sahaja nazar yang kamu janjikan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya (lalu membalaunya dengan sebaik-baiknya). Orang yang zalim itu, tidak ada sesiapa pun yang dapat menolongnya (melindungi mereka daripada azab Allah S.W.T.).

Firman Allah S.W.T.:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ سَيِّئَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوْبِهَا إِلَى الْحُكَمَاءِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ



(Al-Baqarah Ayat 188)

Mafhumnya: Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa urusan harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta benda orang lain itu dengan jalan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui."

PENGENALAN

Bab ini menjelaskan latar belakang dan tujuan penyediaan Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf (MPMPW) yang disediakan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) untuk dijadikan panduan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam menggubal enakmen wakaf negeri masing-masing sesuai dengan peranannya sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di Malaysia.

LATAR BELAKANG

Konvensyen Wakaf Kebangsaan yang diadakan pada 12 hingga 14 September 2006 di Hotel Legend Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Konvensyen tersebut telah dihadiri oleh pelbagai pihak termasuk pentadbir, pengamal undang-undang, pengurusan wakaf MAIN, wakil agensi kerajaan, ahli akademik, tokoh-tokoh agama dan penuntut-penuntut dari institusi pengajian tinggi. Beberapa resolusi telah dipersetujui untuk dimajukan kepada pihak bertanggungjawab untuk diambil tindakan. Resolusi tersebut juga telah dimasukkan dalam pelan tindakan JAWHAR (2008-2010).

Antara Resolusi yang telah diputuskan dalam konvensyen tersebut ialah menggesa supaya setiap negeri mengambil langkah ke arah penggubalan rang undang-undang enakmen wakaf yang khusus dan seragam di negeri masing-masing.

JAWHAR telah dipertanggungjawabkan untuk membentuk satu Jawatankuasa teknikal yang dianggotai oleh mereka yang pakar dalam aspek pengurusan, perundangan dan hukum hakam wakaf supaya menggubal suatu model rang undang-undang wakaf yang lengkap dan komprehensif dengan mengambil kira semua aspek pentadbiran, pengurusan dan pembangunan wakaf.

Skop

MPMPW ini hanya menyentuh aspek undang-undang dan peruntukan yang berkaitan dengan wakaf dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Kaedah Penyediaan

Penyediaan Manual ini diurussetiakan oleh Bahagian Wakaf dengan kerjasama PUU JAWHAR berdasarkan input daripada MAIN, Penasihat Undang-undang Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Peguam Negara dan tokoh-tokoh Akademik daripada Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mesyuarat memuktamadkan rang undang-undang wakaf yang seragam ini telah diadakan pada 14 hingga 16 April 2008 bertempat di Hotel Grand Continental, Langkawi.

Kepentingan Manual

MPMPW perlu disediakan supaya MAIN boleh menjadikan MPMPW ini sebagai panduan dalam menggubal enakmen wakaf yang seragam untuk memudahkan urusan pengurusan harta wakaf di samping membentuk satu sistem pendaftaran harta wakaf yang teratur dan sistematik di seluruh negara.

TUJUAN MANUAL

Tujuan MPMPW ialah :-

- i. Bagi menyelaras dan menyeragamkan peruntukan undang-undang berkaitan wakaf untuk diguna pakai oleh MAIN;
- ii. Memperkemas peruntukan enakmen wakaf yang sedia ada;
- iii. Meningkatkan kecekapan dalam pengurusan dan tadbirurus wakaf agar lebih efisen dan sistematik; dan
- iv. Membentuk satu sistem pendaftaran dan pengurusan wakaf yang teratur, seragam dan tersusun di seluruh Negara.

MODEL RANG UNDANG-UNDANG WAKAF SERAGAM

RANG UNDANG-UNDANG CADANGAN SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa	10
2. Tafsiran	10

BAHAGIAN II TANGGUNGJAWAB DAN KUASA MAJLIS

3. Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf	14
4. Peletakhakan	14
5. Kuasa untuk membeli harta	15
6. Kuasa Majlis untuk menggantikan dengan cara mengistibdal	15
7. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah	16
8. Kuasa Majlis untuk menuntut sewa, dsb	17

BAHAGIAN III PEWUJUDAN WAKAF

9. Syarat pewujudan wakaf	17
10. Permulaan kuat kuasa wakaf	18

11. Pendaftaran wakaf	18
12. Taklik Wakaf	19
13. Wakaf Irsod, Wakaf Mu'abbad, Wakaf Mu'aqqad, Wakaf Musyak, Wakaf Musytarak	19
14. Skim wakaf	20

**BAHAGIAN IV
MAWQUF**

15. Syarat-syarat <i>mawquf</i>	21
16. Wakaf premis atau hasil pertanian atas tanah yang disewa atau dipajakkkan	21
17. Waqif berhak untuk menikmati manfaat, faedah atau kepentingan <i>Mawquf</i> untuk kegunaan umum	22
18. Jika <i>mawquf</i> dalam wakaf khas terbiar	22
19. Membangunkan semula <i>mawquf</i> yang musnah	22

**BAHAGIAN V
MAWQUF-ALAIH**

20. Ketiadaan mawquf-alaih bagi wakaf khas	22
21. Majlis sebagai mawquf-alaih	23
22. Hak waqif untuk menetapkan syarat-syarat	23
23. Pembahagian faedah atau kepentingan	23

**BAHAGIAN VI
PELANTIKAN PENDAFTAR WAKAF DAN PEGAWAI LAIN**

24. Pendaftar Wakaf	24
---------------------	----

**BAHAGIAN VII
JAWATANKUASA PENGURUSAN WAKAF**

25. Penubuhan Jawatankuasa	25
26. Fungsi Jawatankuasa	25

**BAHAGIAN VIII
KUMPULAN WANG WAKAF**

27. Kumpulan Wang Wakaf	26
28. Penggunaan dana yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Wakaf	27
29. Akaun dan Laporan Kumpulan Wang Wakaf	27
30. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) tidak terpakai	28
31. Manfaat, faedah atau kepentingan daripada wakaf am dan wakaf khas	28

**BAHAGIAN IX
WAKAF TIDAK SAH**

32. Wakaf tidak sah	29
33. Wakaf oleh seorang yang dalam keadaan marad al-maut	30

**BAHAGIAN X
KESALAHAN-KESALAHAN DAN PENALTI**

34. Menduduki secara haram tanah atau bangunan wakaf	30
35. Menggunakan secara haram ruang udara	32
36. Merosakan tanaman	32

37. Mengubah, memusnahkan dan sebagainya <i>mawquf</i>	33
38. Tiada apa-apa jua boleh menyentuh kuasa Majlis untuk membuat perintah	34
39. Mengurus dan mentadbir wakaf tanpa kebenaran Majlis	35
40. Menghalang <i>mawquf</i> -alaih menikmati manfaat, faedah atau kepentingan <i>mawquf</i>	35
41. Memberikan maklumat palsu	36
42. Ganti rugi hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Wakaf	36

BAHAGIAN XI PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

43. Pemberikuasaan pegawai penguat kuasa	36
44. Kuasa untuk menyiasat	37
45. Menghalang pegawai penguat kuasa	37
46. Pendakwaan	38
47. Kuasa Ketua Pendakwa Syarie tidak disentuh	38
48. Perintah lain oleh Mahkamah	38
49. Pemakaian Bab 6 Bahagian VII Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri	38

BAHAGIAN XII PERUNTUKAN AM

50. Perisytiharan	39
51. Pentafsiran surat cara yang mewujudkan atau menyentuh wakaf	40
52. Hukum Syarak	41
53. Rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa	41
54. Kecualian	41

BAHAGIAN XIII
PERUNTUKAN PERALIHAN

55. Pengesahan wakaf yang dibuat sebelum permulaan kuatkuasa enakmen ini	42
56. Majlis hendaklah memohon kepada mahkamah untuk mendaftarkan mawquf jika waqif tidak dapat dikesan	42
57. Perakuan mawquf bagi wakaf yang dibuat sebelum permulaan kuatkuasa enakmen ini	43
58. Peletakhakan mawquf berhubung wakaf yang dibuat sebelum permulaan kuatkuasa enakmen ini	43
59. Pelantikan pemegang amanah selain Majlis terbatal kecuali mendapat kebenaran bertulis Majlis	44
60. Majlis hendaklah mendapatkan pendapat jawatankuasa Fatwa jika mawquf-alaih tidak dapat dikesan	44

BAHAGIAN XIV
PELBAGAI

61. Perbuatan yang dilakukan ada menjangkakan pembuatan enakmen ini	45
JADUAL PERTAMA : [Subseksyen 2(3)]	46
JADUAL KEDUA : [Seksyen 25]	47
1. Keanggotaan jawatankuasa	47
2. Jawatankuasa hendaklah melaksanakan arahan yang diberikan oleh Majlis	47
3. Tempoh memegang jawatan	48
4. Elaun	48
5. Pelantikan dan peletakkan jawatan	49
6. Pengosongan jawatan	49
7. Mesyuarat	50

8. Jawatankuasa boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat	51
9. Minit	51
10. Penzahiran kepentingan	51
11. Kesahan tindakan dan prosiding	52
12. Jawatankuasa boleh menetapkan tatacaranya sendiri	52
13. Anggota jawatankuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan jawatankuasa	52
14. Laporan tahunan	53

**MODEL RANG UNDANG-UNDANG WAKAF
RANG UNDANG-UNDANG CADANGAN**

bernama

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan wakaf dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeriseperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Wakaf Negeri 2008.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan/Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Enakmen Pentadbiran” ertiinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri;

“Baitulmal” ertiinya Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran;

“harta” termasuklah-

- (a) harta alih atau harta tak alih dan harta intelek;
- (b) apa-apa manfaat, faedah atau kepentingan dalam apa-apa harta alih atau harta tak alih dan harta intelek;
- (c) apa-apa hak, kepentingan, hakmilik atau selainnya; dan
- (d) kepakaran dan perkhidmatan,

yang mempunyai nilai menurut Hukum Syarak;

“harta intelek” termasuklah apa-apa yang berkaitan dengan hakcipta, paten, rekabentuk perindustrian, disk optik dan cap dagangan;

“hibah” ertinya sesuatu pemberian yang diberikan oleh seseorang semasa hayatnya tanpa apa-apa balasan menurut Hukum Syarak;

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali;

“Istibdal” ertinya menggantikan sesuatu harta wakaf dengan suatu harta yang lain atau wang yang mempunyai nilai yang sama atau nilai yang lebih tinggi daripada harta itu, dengan menukarkan, membeli, menjual, atau apa-apa cara lain menurut Hukum Syarak;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Pengurusan Wakaf yang ditubuhkan di bawah seksyen 25;

“Jawatankuasa Fatwa” ertinya Jawatankuasa Fatwa yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran;

“Kumpulan Wang Wakaf” ertinya Kumpulan Wang Wakaf yang ditubuhkan di bawah seksyen 27;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi Syariah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Negeri yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran;

“*marad al-maut*” ertinya sesuatu penyakit yang boleh menyebabkan kematian si mati dan penyakit itu menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda si mati dan dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun;

“*mawquf*” ertinya apa-apa harta yang diserahkan sebagai suatu wakaf;

“*mawquf-alaih*” ertinya orang yang berhak menerima apa-apa manfaat, faedah, kepentingan atau keuntungan daripada suatu *mawquf*,

“orang” termasuklah kumpulan orang samada yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“saham wakaf” ertinya pewujudan suatu wakaf melalui penawaran saham, atau pengeluaran bon atau surat cara lain bagi jaminan berharga kepada orang ramai yang kemudiannya diserahkan oleh pembeli itu kepada Majlis sebagai wakaf.

“*sighah*” ertinya suatu pernyataan wakaf sama ada secara lisan, bertulis atau melalui isyarat;

“wakaf” ertinya-

- (a) menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau kepentingannya;
- (b) menyerahkan manfaat, faedah atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau
- (c) menyediakan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau kepentingannya;

sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas, menurut Hukum Syarak, tetapi tidak termasuk amanah yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];

“wakaf am” ertinya apa-apa wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak;

“wakaf khas” ertinya apa-apa wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebaikan atau pihak yang khusus menurut Hukum Syarak;

“wakaf saham” ertinya mewakafkan apa-apa saham sedia ada dalam syarikat atau perniagaan atau lain-lainnya yang dijalankan selaras dengan kehendak Syarak.

“waqif” ertinya orang yang mewujudkan suatu wakaf;

“waris” ertinya seseorang yang berhak mewarisi sesuatu harta pusaka menurut Hukum Syarak;

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan dalam Enakmen ini tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Bahagian itu setakat yang pengertian itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Raja / DYMM Sultan / YDP Agong sebagai Ketua Agama Islam di Negeri sebagaimana yang dinyata dan ditetapkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri.

BAHAGIAN II

TANGGUNGJAWAB DAN KUASA MAJLIS

Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf

3. (1) Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak di dalam Negeri, dan hendaklah mempunyai kuasa-kuasa untuk-

- (a) melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana pihak untuk menjadi pengurus, pentadbir dan memegang apa-apa *mawquf* bagi pihaknya; dan
- (b) mengiktiraf pelantikan mana-mana pengurus atau pentadbir dalam keadaan di mana waqif telah pun melantiknya sendiri.

(2) Maka hendaklah menjadi kewajipan dan tanggungjawab Majlis untuk memastikan bahawa ada pendaftaran, pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sepatutnya semua wakaf di bawah Enakmen ini.

(3) Majlis hendaklah mempunyai segala kuasa untuk melakukan semua perkara yang suaimanfaat atau semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan kewajipan dan tanggungjawabnya di bawah Enakmen ini.

Peletakhakkan

4. (1) Majlis hendaklah memastikan peletakhakkan semua wakaf yang diwujudkan di bawah Enakmen ini.

(2) Apa-apa manfaat, faedah atau kepentingan daripada apa-apa *mawquf* hendaklah, dari tarikh permulaan kuat kuasa wakaf itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 10, terletak hak pada Majlis dan Majlis boleh menuntut apa-apa manfaat, faedah atau kepentingan sesuatu *mawquf* daripada mana-mana orang sebelum pendaftaran wakaf itu di bawah seksyen 11.

(3) Apa-apa mawquf yang terletak di Negeri sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini, hendaklah terletakhak kepada Majlis setakat mana-mana yang tersentuh olehnya tanpa apa-apa jua pemindahhakkan, penyerahan, penyerahhakkan atau pemindahmilikkan.

Kuasa untuk membeli harta

5. (1) Majlis boleh membeli apa-apa harta sebagai suatu wakaf dengan menggunakan wang daripada-

- (a) Kumpulan Wang Wakaf; atau
- (b) Baitulmal.

(2) Apa-apa harta yang dibeli di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan sebagai suatu wakaf.

Kuasa Majlis untuk menggantikan dengan cara mengistibdal

6. (1) Tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Fatwa, Majlis boleh istibdal, mana-mana mawquf dalam keadaan yang berikut-

- (a) jika mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) jika mawquf diambil oleh mana-mana pihak berkuasa mengikut mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) jika kegunaan mawquf tidak mendatangkan manfaat, faedah atau kepentingan sebagaimana yang dikehendaki oleh waqif;
- (d) jika kegunaan mawquf tidak dapat menepati tujuan wakaf;
- (e) jika disebabkan berlalu masa atau berlaku perubahan keadaan, mana-mana syarat yang ditetapkan oleh waqif tidak dapat dilaksanakan;

- (f) jika Majlis hendak mengistibdal masjid atau tapak masjid yang telah diwakafkan;
 - (g) jika mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh waqif tidak dapat dilaksanakan dan Majlis berhasrat untuk menentukan apa-apa cara lain bagi melaksanakan wakaf itu supaya mawquf itu digunakan dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh waqifnya; atau
 - (h) dalam hal keadaan lain yang difikirkan perlu oleh Majlis.
- (2) Nilai mawquf yang diperoleh melalui istibdal hendaklah tidak kurang daripada nilai semasa mawquf asal.
- (3) Majlis hendaklah mengistibdal apa-apa mawquf sama ada keseluruhan atau sebahagiannya dalam tempoh yang munasabah dengan sewajarnya.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

7. (1) Majlis atas syor Jawatankuasa boleh membuat kaedah-kaedah, yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.
- (2) Tanpa menjelaskan keluasan makna subseksyen (1), kaedah-kaedah boleh dibuat bagi menetapkan-

- (a) tatacara pendaftaran wakaf;
- (b) tatacara kewangan dan pengurusan Kumpulan Wang Wakaf;
- (c) pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan wakaf;
- (d) borang-borang yang hendak digunakan di bawah Enakmen ini;

- (e) pembangunan, pembelian dan pelupusan mawquf;
- (f) skim wakaf; dan
- (g) perkara-perkara lain yang perlu atau suaimanfaat bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Kuasa Majlis untuk menuntut sewa dan sebagainya

8. (1) Majlis boleh menuntut sewa atau nilai apa-apa faedah atau kepentingan yang diperoleh oleh mana-mana orang daripada sesuatu mawquf yang dia tidak berhak ke atasnya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Majlis boleh menentukan nilai apa-apa faedah atau kepentingan mawquf itu.

(3) Jika tuntutan yang disebut dalam subseksyen (1) tidak dibayar, tuntutan itu boleh didapatkan melalui tindakan sivil sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Majlis.

BAHAGIAN III

PEWUJUDAN WAKAF

Syarat pewujudan wakaf

9. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini, mana-mana orang yang sudah mencapai umur lapan belas tahun, sempurna akal, tidak diisyiharkan bankrap dan dengan rela hati boleh menyerahkan hartanya sebagai suatu wakaf bagi apa-apa tujuan kebajikan menurut Hukum Syarak.

(2) Sesuatu wakaf boleh diwujudkan sebagai wakaf am atau wakaf khas.

(3) Sesuatu wakaf hendaklah diwujudkan melalui sighah di hadapan dua orang saksi menurut Hukum Syarak.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata di bawah Enakmen ini, tiada apa-apa yang boleh menghalang seseorang waqif untuk mewakafkan hartanya melebihi daripada satu pertiga kepada mana-mana orang termasuklah warisnya.

Nota : Mengkaji kemungkinan cadangan mewujudkan suatu seksyen baru yang melibatkan pewakafan oleh mereka yang berumur di bawah 18 tahun

Permulaan kuat kuasa wakaf

10. (1) Sesuatu wakaf hendaklah mula berkuat kuasa apabila segala kehendak dan syarat bagi pewujudan suatu wakaf menurut Hukum Syarak telah dipenuhi, melainkan jika diperuntukkan secara khususnya bahawa wakaf itu hendaklah mula berkuat kuasa hanya selepas kematian waqif.

(2) Wakaf yang telah mula berkuat kuasa tidak boleh dijual, digadai, dipindah milik, diberikan sebagai hibah atau diwarisi oleh mana-mana orang.

Pendaftaran wakaf

11. (1) Pewakaf hendaklah mendaftarkan sesuatu wakaf dalam apa-apa bentuk atau mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Majlis dalam tempoh tiga puluh hari, wakaf itu mula berkuat kuasa menurut seksyen 10.

(2) Majlis apabila menerima permohonan pendaftaran sesuatu wakaf hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk mendaftarkan wakaf tersebut dengan seberapa segera yang boleh mengikut apa-apa cara yang telah ditetapkan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) tanpa apa-apa sebab yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), tiada wakaf boleh menjadi tidak sah semata-mata kerana wakaf itu tidak didaftarkan.

Taklik Wakaf

12. (1) Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu taklik wakaf yang hendaklah mula berkuat kuasa hanya apabila berlakunya sesuatu kejadian yang dinyatakan oleh waqif itu semasa hayatnya dengan syarat taklik itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(2) Jika sesuatu wakaf dinyatakan oleh seorang waqif supaya berkuat kuasa selepas kematian waqif itu, wakaf itu menjadi sah hanya setakat satu pertiga daripada harta waqif itu jika mawquf-alaih bukan waris.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika seseorang waqif mewakafkan hartanya melebihi satu pertiga kepada mawquf-alaih bukan waris, maka wakaf tersebut hanya sah jika mendapat persetujuan semua ahli waris.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2) dan (3), suatu taklik wakaf adalah tidak sah jika waqif itu meninggal sebelum berlakunya kejadian yang dinyatakan olehnya.

(5) Bagi maksud seksyen ini ‘taklik wakaf’ ertiannya sesuatu wakaf yang tergantung kuat kuasanya oleh sesuatu syarat yang ditetapkan oleh waqif.

Wakaf irsod, wakaf mu’abbad, wakaf mu’aqqad, wakaf musyak atau wakaf musytarak

13. (1) Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu wakaf irsod, wakaf mu’abbad, wakaf mu’aqqad, wakaf musyak atau wakaf musytarak ke atas mana-mana atau keseluruhan hartanya.

(2) Bagi maksud seksyen ini-

(a) “wakaf irsod” ertiannya penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh kerajaan, baitulmal atau mana-mana perbadanan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut Hukum Syarak;

- (b) "wakaf mu'abbad" ertinya suatu penyerahan sebagai wakaf yang berkekalan;
- (c) "wakaf mu'aqqad" ertinya sesuatu penyerahan manfaat wakaf untuk suatu tempoh tertentu.
- (d) "wakaf musyak" ertinya suatu penyerahan sebagai wakaf apa-apa hak ke atas mana-mana harta yang dimiliki bersama dan tidak dipecah bahagi; dan
- (e) "wakaf musytarak" ertinya penyatuan beberapa wakaf termasuklah mana-mana wakaf yang diwujudkan melalui istibdal dan syer wakaf.

Skim wakaf

14. (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa skim wakaf atau meluluskan mana-mana institusi untuk menubuhkan apa-apa skim berkaitan wakaf-

- (a) melalui sumbangan wang tunai atau apa-apa sumbangan kewangan yang lain daripada mana-mana orang, persatuan atau institusi;
- (b) dengan menawarkan saham wakaf untuk dijual, atau mengeluarkan bon wakaf atau surat cara lain bagi jaminan berharga sebagai wakaf; atau
- (c) bagi maksud pelaburan,

bagi atau dalam mana-mana harta yang diperolehnya, atau bagi pembangunan mana-mana *mawquf*.

(2) Majlis boleh menerima saham yang diwakafkan daripada mana-mana orang, persatuan atau institusi dengan syarat perniagaan yang dijalankan selaras dengan Hukum Syarak.

(3) Mana-mana harta yang diperoleh atau dibangunkan daripada hasil jualan di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi suatu wakaf.

BAHAGIAN IV

MAWQUF

Syarat-syarat mawquf

- 15.** (1) Sesuatu mawquf hendaklah suatu harta yang-
- (a) dimiliki oleh waqif;
 - (b) boleh dipindahmilik atau diserahkan tanpa sebarang halangan; dan
 - (c) boleh memberikan apa-apa manfaat, faedah atau kepentingan.
- (2) Tertakluk kepada subseksyen (1), sesuatu wakaf itu adalah sah walaupun pada masa wakaf itu diwujudkan-
- (a) mawquf itu tidak menghasilkan apa-apa manfaat, faedah atau kepentingan; atau
 - (b) mawquf itu masih dalam sewaan.
- (3) Manfaat, faedah atau kepentingan yang diperoleh dari sesuatu mawquf hendaklah didepositkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf.

Wakaf premis atau hasil pertanian atas tanah yang disewa atau dipajakkkan

- 16.** Seorang waqif boleh menyerahkan sebagai wakaf-
- (a) mana-mana premis yang dippunyai olehnya di atas mana-mana tanah yang disewa atau dipajakkkan olehnya; atau
 - (b) apa-apa hasil pertanian yang diperoleh daripada tanah itu.

Waqif berhak untuk menikmati manfaat, faedah atau kepentingan mawquf untuk kegunaan umum

17. Seseorang waqif yang mewujudkan suatu wakaf untuk kegunaan umum berhak untuk menikmati manfaat, faedah atau kepentingan mawquf itu.

Jika *mawquf* dalam wakaf khas terbiar

18. Jika *mawquf* dalam suatu wakaf khas terbiar, Majlis boleh dan setelah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa memperlakukan *mawquf* itu mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

Membangunkan semula *mawquf* yang musnah

19. (1) Mana-mana bangunan di atas mana-mana mawquf yang keseluruhannya atau sebahagiannya telah musnah boleh dibangunkan semula daripada-

- (a) Kumpulan Wang Wakaf;
- (b) Baitulmal; atau
- (c) Sumber-sumber lain yang dibenarkan mengikut Hukum Syarak.

(2) Jika bangunan di atas sesuatu mawquf telah musnah keseluruhannya dan telah dibangunkan semula, bangunan itu hendaklah menjadi suatu wakaf.

BAHAGIAN V

MAWQUF-ALAIH

Ketiadaan mawquf- alaih bagi wakaf khas

20. (1) Majlis hendaklah mendapatkan keputusan Jawatankuasa Fatwa jika-

- (a) seorang mawquf-alaih tidak dinamakan oleh waqif;
- (b) dalam hal orang perseorangan, mawquf-alaih itu telah meninggal dunia;
- (c) dalam hal orang yang diperbadankan, persatuan, atau institusi, tidak wujud lagi; atau
- (d) mawquf-alaih itu tidak dapat dikesan selepas tempoh empat tahun dari mula berkuat kuasanya wakaf itu.

(2) Peruntukan Seksyen ini hendaklah terpakai bagi manfaat, faedah atau kepentingan mana-mana mawquf-alaih yang telah meninggal dunia atau tidak dapat dikesan.

Majlis sebagai mawquf-alaih

21. (1) Majlis boleh dijadikan mawquf-alaih bagi mana-mana mawquf yang terletak di Negeri

(2) Majlis juga boleh dijadikan mawquf-alaih bagi mana-mana mawquf yang terletak di tempat selain dari Negeri, dan bagi maksud ini, Majlis bolehlah membuat apa-apa perkiraan dengan pemegang amanah mawquf itu.

Hak waqif untuk menetapkan syarat-syarat

22. Seseorang waqif atau Jawatankuasa dengan persetujuan waqif itu, boleh menyatakan apa-apa syarat khusus yang berhubungan dengan mawquf-alaih sebelum seseorang mawquf-alaih itu boleh menjadi berhak kepada manfaat, faedah atau kepentingan mawquf itu.

Pembahagian faedah atau kepentingan

23. (1) Jika ada lebih daripada seorang mawquf-alaih dalam suatu wakaf khas dan waqif tidak menentukan bahagian mereka masing-masing terhadap faedah atau kepentingan mawquf itu, faedah atau kepentingan itu hendaklah dibahagikan oleh Majlis sama rata di kalangan mereka.

(2) Jika sesuatu wakaf diserahkan kepada asnaf zakat, manfaat, faedah atau kepentingan daripada mawquf itu hendaklah dibahagikan menurut bahagian asnaf zakat itu.

(3) Peruntukan di bawah seksyen ini hendaklah terpakai setelah mendapat perakuan dari Jawatankuasa Fatwa.

BAHAGIAN VI

PELANTIKAN PENDAFTAR WAKAF DAN PEGAWAI LAIN

Pendaftar Wakaf

24. (1) Majlis hendaklah melantik seorang Pendaftar Wakaf, Timbalan Pendaftar Wakaf dan apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat lain yang perlu di kalangan penjawat Majlis bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Pendaftar Wakaf adalah bertanggungjawab untuk-

- (a) mendaftar atau menyebabkan supaya didaftarkan semua wakaf yang diwujudkan di bawah Enakmen ini;
- (b) menyimpan dan menyenggara atau menyebabkan supaya disimpan atau disenggara suatu daftar bagi semua wakaf dalam apa-apa bentuk atau mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Jawatankuasa;
- (c) menyimpan dan memegang semua surat cara, dokumen hakmilik atau dokumen lain yang berhubungan dengan mana-mana wakaf yang terletak hak pada Majlis;
- (d) mengambil segala langkah yang perlu dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan untuk menguruskan atau menyebabkan supaya diuruskan apa-apa transaksi bagi memenuhi keperluan statutori berkaitan wakaf; dan

- (e) melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis atau Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN VII

JAWATANKUASA PENGURUSAN WAKAF

Penubuhan Jawatankuasa

25. (1) Majlis hendaklah menubuhkan suatu “Jawatankuasa Pengurusan Wakaf” yang bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan semua perkara yang berhubungan dengan wakaf di bawah Enakmen ini.

(2) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

(3) Majlis boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua.

(4) Pendaftar Wakaf hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

Fungsi Jawatankuasa

26. (1) Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi-fungsi seperti yang berikut :

- (a) menjalankan apa-apa arahan, dasar atau keputusan yang dibuat oleh Majlis berhubung dengan wakaf;
- (b) mengawalselia dan memantau pengurusan, pelaksanaan, pembangunan dan pelaburan wakaf;
- (c) menasihati dan membuat syor kepada Majlis dalam hal ehwal pengurusan, pelaksanaan, pembangunan dan pelaburan wakaf;

- (d) menasihati Majlis dalam pentadbiran Kumpulan Wang Wakaf; dan
- (e) menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini atau yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN VIII

KUMPULAN WANG WAKAF

Kumpulan Wang Wakaf

27. (1) Bagi maksud Enakmen ini, Majlis hendaklah menubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Wakaf".

(2) Kumpulan Wang Wakaf hendaklah ditadbir oleh Majlis atas nasihat dari Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

(3) Kumpulan Wang Wakaf hendaklah mengandungi-

- (a) semua *mawquf*,
- (b) manfaat, faedah atau kepentingan yang diperoleh daripada mana-mana *mawquf* yang Majlis ialah *mawquf-alaihnya*;
- (c) wang atau nilai yang diperolehi melalui *istibdal*;
- (d) sumbangan dan hasil saham wakaf, bon wakaf dan surat cara jaminan berharga yang lain, dan keuntungan daripada pelaburan, di bawah apa-apa skim wakaf;
- (e) *mawquf* yang diperoleh dari Baitulmal;
- (f) semua ganti rugi yang didapati di bawah Enakmen ini;

- (g) peruntukan atau sumbangan yang diterima daripada mana-mana pihak bagi apa-apa maksud wakaf; dan
- (h) segala sumbangan atau wang lain yang diterima secara sah oleh Majlis di bawah Enakmen ini.

Penggunaan dana yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Wakaf

28. Kumpulan Wang Wakaf hendaklah digunakan bagi maksud-

- (a) membayar segala kos, caj dan perbelanjaan mentadbir mana-mana wakaf termasuklah kos menyenggara dan memperbaiki mana-mana mawquf;
- (b) membeli apa-apa harta sebagai suatu wakaf di bawah seksyen 5;
- (c) melaksanakan tujuan apa-apa wakaf dan membiayai pembangunannya tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Majlis;
- (d) membayar perbelanjaan pengurusan termasuklah elaun bagi anggota-anggota Jawatankuasa;
- (e) membayar apa-apa perbelanjaan yang bersampingan dengan pengurusan Kumpulan Wang itu yang sepatutnya dilakukan oleh Majlis dalam melaksanakan fungsi dan kuasa Majlis di bawah Enakmen ini;
- (f) membuat pelaburan di bawah skim wakaf ; atau
- (g) apa-apa pembayaran lain berkaitan wakaf yang difikirkan wajar oleh Majlis dalam melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

Akaun dan Laporan Kumpulan Wang Wakaf

29. (1) Jawatankuasa Pengurusan Wakaf hendaklah-

- (a) menyimpan akaun yang sepatutnya dan rekod lain berkenaan dengan pentadbiran Kumpulan Wang Wakaf;
- (b) menyebabkan disediakan suatu penyata akaun Kumpulan Wang Wakaf bagi setiap tahun kewangan;
- (c) menyebabkan penyata akaun Kumpulan Wang Wakaf diaudit di akhir setiap tahun kewangan oleh juruaudit yang dilantik oleh Majlis; dan
- (d) sebaik sahaja diterima penyata akaun Kumpulan Wang Wakaf yang telah diaudit di bawah perenggan (c), mengemukakan penyata akaun itu kepada Majlis untuk kelulusan Majlis.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(d), Majlis boleh mengarahkan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf supaya mengemukakan laporan kewangan Kumpulan Wang Wakaf dari semasa ke semasa.

(3) Tahun kewangan bagi Kumpulan Wang Wakaf hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] tidak terpakai.

30. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 tidak terpakai bagi Majlis dan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf berhubung dengan Kumpulan Wang Wakaf.

Manfaat, faedah atau kepentingan daripada wakaf am dan wakaf khas

31. (1) Segala manfaat, faedah atau kepentingan daripada suatu wakaf am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf.

(2) Segala manfaat, faedah atau kepentingan daripada suatu wakaf khas hendaklah digunakan mengikut terma-terma yang ditentukan

oleh waqif kecuali bagi terma-terma yang bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Jika-

- (a) terma-terma sesuatu wakaf tidak menyatakan cara yang baginya harta, manfaat, faedah atau kepentingan itu hendaklah digunakan; atau
- (b) tidak pasti mengikut cara bagaimana harta, manfaat, faedah atau kepentingan itu hendaklah digunakan,

Majlis boleh mengarahkan supaya harta, manfaat, faedah atau kepentingan wakaf itu ditambahkan kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf tetapi hendaklah terpakai hanya bagi maksud wakaf itu.

BAHAGIAN IX

WAKAF TIDAK SAH

Wakaf tidak sah

32. (1) Sesuatu wakaf adalah tidak sah jika-

- (a) wakaf itu dibuat bagi apa-apa tujuan maksiat;
- (b) wakaf itu dibuat kepada mana-mana orang bagi suatu maksud yang bukan untuk menghampirkan diri kepada Allah;
- (c) wakaf itu dibuat bagi manfaat, faedah atau kepentingan diri sendiri; atau
- (d) wakaf itu tidak selaras dengan Hukum Syarak.

Wakaf oleh seorang yang dalam keadaan marad al-maut

33. (1) Sesuatu wakaf adalah tidak sah jika wakaf itu dibuat dalam keadaan marad al-maut kepada beberapa orang daripada waris kecuali dengan persetujuan semua waris yang lain;
- (2) Seorang yang berada dalam keadaan marad al-maut tidak boleh menyerahkan lebih daripada satu pertiga hartanya sebagai suatu wakaf kecuali dengan izin warisnya;
- (3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) dan (2), apa-apa pertikaian yang timbul di bawah seksyen ini hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa.

BAHAGIAN X

KESALAHAN-KESALAHAN DAN PENALTI

Menduduki secara haram tanah atau bangunan wakaf

34. (1) Mana-mana orang yang tanpa kebenaran Majlis-
- (a) menduduki mana-mana tanah wakaf atau menghuni bangunan wakaf ;
 - (b) mendirikan apa-apa binaan atau struktur di atas mana-mana tanah wakaf atau bangunan wakaf;
 - (c) membersih, membajak, menggali, mengepung dan bercucuk tanam di atas mana-mana tanah wakaf atau mengusahakan mana-mana tanah wakaf; atau
 - (d) memotong, mengambil, memindah atau mengeluarkan apa-apa hasil daripada mana-mana tanah wakaf,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dihukum

penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, boleh didenda selanjutnya yang tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada satu hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas pensabitan itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini boleh menyentuh kuasa Majlis untuk memerintahkan supaya mana-mana orang yang mendirikan atau membina mana-mana bangunan atau struktur lain di atas mana-mana tanah wakaf dengan melanggar subseksyen (1) untuk merobohkan, memusnahkan atau memindahkan segala bangunan, binaan atau rangka bangunan lain di atas tanah wakaf itu dengan perbelanjaannya sendiri.

(3) Jika orang yang disebut dalam subseksyen (2) enggan mematuhi perintah Majlis, Majlis boleh membuat suatu aduan bertulis kepada Mahkamah dan Mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang itu hadir di hadapan Mahkamah dan apabila dia hadir atau ingkar hadir, penyampaian saman sewajarnya telah dibuktikan, Mahkamah hendaklah terus mendengar aduan itu dan boleh-

- (a) menolak aduan itu; atau
- (b) membuat suatu perintah supaya bangunan atau binaan itu atau struktur lain itu dirobohkan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah.

(4) Mahkamah boleh membuat suatu perintah di bawah perenggan (3)(b) tidak kira sama ada apa-apa pendakwaan telah dimulakan terhadap mana-mana orang bagi atau yang berhubungan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1).

(5) Jika mana-mana orang tidak mematuhi peruntukan perintah yang dibuat di bawah perenggan (3)(b), Majlis boleh melaksanakan perintah itu dan mendapatkan kos perrobohan sedemikian daripada orang itu melalui tindakan sivil.

Menggunakan secara haram ruang udara

35. (1) Mana-mana orang yang tanpa kebenaran Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis, menggunakan atau menduduki ruang udara di atas tanah wakaf dengan mendirikan bumbung, langit-langit, sengkuap, jambatan atau apa-apa binaan atau struktur lain adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan berterusan, dikenakan denda selanjutnya yang tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan itu.

(2) Mahkamah boleh, atas permohonan pendakwa syarie, memerintahkan seseorang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (1) supaya merobohkan, memusnahkan dan membersihkan apa-apa bumbung, langit-langit, sengkuap, jambatan atau apa-apa binaan struktur lain di atas tanah wakaf itu atas perbelanjaan orang yang melakukan kesalahan itu.

(3) Jika orang yang disebut di bawah subseksyen (2) gagal mematuhi perintah Mahkamah, Majlis boleh menyebabkan supaya dilaksanakan perintah itu dengan membelanjakan wang daripada Kumpulan Wang Wakaf atau sumber pembiayaan lain, dan Majlis boleh menuntut apa-apa perbelanjaan yang dilakukan daripada orang itu.

(4) Jika tiada perintah Mahkamah dibuat di bawah subseksyen (2), apa-apa bumbung, langit-langit, sengkuap, jambatan atau apa-apa binaan atau struktur lain yang terdapat di atas tanah wakaf itu hendaklah terletak hak kepada Majlis dan mana-mana orang tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Majlis berhubungan dengan bumbung, langit-langit, sengkuap, jambatan atau apa-apa binaan atau struktur lain itu.

Merosakkan tanaman

36. (1) Mana-mana orang-

- (a) yang binatang ternakannya merayau-rayau di atas tanah wakaf dan merosakan apa-apa tumbuhan atau tanaman yang diusahakan di atas tanah wakaf itu; atau
- (b) yang menyebabkan kerosakan kepada apa-apa tumbuhan atau tanaman yang diusahakan di atas mana-mana tanah wakaf, dengan apa-apa cara,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (1) supaya membayar kepada Majlis ganti rugi bagi kerosakan yang dilakukan atau disebabkan oleh orang itu atau binatang ternakannya.

(3) Apa-apa ganti rugi yang diperintahkan oleh Mahkamah jika tidak dibayar, boleh didapatkan melalui tindakan sivil sebagai suatu hutang yang perlu dibayar kepada Majlis.

Mengubah , memusnahkan, dan sebagainya mawquf

37. (1) Mana-mana orang yang menggunakan apa-apa mawquf tanpa kebenaran Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis atau menyebabkan apa-apa perubahan, pengubahan, kemusnahaan, kerosakan, kecacatan atau kerugian pada apa-apa mawquf adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dihukum dengan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (1) menggantikan mawquf yang diubah atau yang musnah itu atau memulihkan mawquf yang diubah, rosak atau cacat itu, atas perbelanjaan orang yang melakukan kesalahan itu, sehingga Majlis berpuas hati.

(3) Jika orang yang disebut di bawah subseksyen (2) gagal mematuhi perintah Mahkamah, Majlis boleh menyebabkan supaya dilaksanakan perintah itu dengan membelanjakan wang daripada Kumpulan Wang Wakaf atau sumber pembiayaan lain, dan Majlis boleh menuntut apa-apa perbelanjaan yang dilakukan daripada orang itu.

(4) Jika tuntutan yang disebut dalam subseksyen (3) tidak dibayar, tuntutan itu boleh didapatkan melalui tindakan sivil sebagai suatu hutang yang perlu dibayar kepada Majlis.

Tiada apa-apa jua boleh menyentuh kuasa Majlis untuk membuat perintah

38. (1) Tiada apa-apa jua dalam seksyen 34, 35, 36 dan 37 boleh menyentuh kuasa Majlis untuk memerintahkan mana-mana orang yang melanggar seksyen tersebut-

- (a) untuk membayar ganti rugi kerana telah menduduki tanpa kebenaran mana-mana tanah wakaf atau menghuni mana-mana bangunan wakaf, membersihkan, membajak, menggali, mengepung atau bercucuk tanam di atas atau selainnya mengusahakan mana-mana tanah wakaf atau memotong, mengambil atau memindahkan atau mengeluarkan apa-apa hasil di atas atau daripada mana-mana tanah wakaf; dan
- (b) atas perbelanjaan orang itu, untuk merobohkan, memusnahkan dan membersihkan segala binaan, struktur, halangan atau tanaman, bumbung, langit-langit, sengkuap, jambatan atau apa-apa binaan atau struktur lain di atas tanah wakaf atau bangunan wakaf itu.

(2) Jika seseorang yang disebut dalam subseksyen (1) gagal mematuhi perintah Majlis, Majlis boleh membuat aduan bertulis kepada Mahkamah dan Mahkamah hendaklah mengeluarkan satu saman yang menghendaki orang itu hadir di hadapan Mahkamah dan apabila orang itu ingkar hadir, dan penyampaian saman sewajarnya telah dibuktikan, Mahkamah hendaklah terus mendengar aduan itu dan boleh-

- (a) menolak aduan itu; atau
- (b) membuat suatu perintah supaya dirobohkan bangunan atau binaan, struktur, halangan atau tanaman, bumbung, langit-langit, sengkuap, Jambatan atau apa-apa binaan atau struktur lain itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Mahkamah boleh membuat suatu perintah di bawah perenggan (2) (b) sama ada atau tidak apa-apa pendakwaan telah dimulakan terhadap orang bagi atau yang berhubungan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1).

(4) Jika mana-mana orang gagal mematuhi perintah di bawah perenggan (2)(b), Majlis boleh melaksanakan perintah itu termasuk mendapatkan apa-apa kos yang dilakukan melalui tindakan sivil sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Majlis.

Mengurus dan Mentadbir Wakaf Tanpa Kebenaran Majlis

39. Mana-mana orang yang mengurus dan mentadbir wakaf tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya.

Menghalang mawquf-alaih menikmati manfaat, faedah atau kepentingan mawquf

40. Mana-mana orang-

- (a) yang menghalang mana-mana mawquf-alaih daripada menikmati manfaat, faedah atau kepentingan daripada mawquf yang mawquf-alaih itu berhak ke atasnya; atau
- (b) menyebabkan mana-mana mawquf-alaih tidak dapat menikmati manfaat, faedah atau kepentingan daripada mawquf yang mawquf-alaih itu berhak ke atasnya, adalah

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dihukum dengan penjara selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya.

Memberikan maklumat palsu

41. Mana-mana orang yang memberikan apa-apa pernyataan yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah tidak benar, tidak tepat, atau palsu, atau menyembunyikan fakta yang material atau mengemukakan maklumat yang mengelirukan, atau memalsukan apa-apa dokumen bagi maksud Enakmen ini, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit atau dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya.

Ganti rugi hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Wakaf

42. Semua ganti rugi yang diperintahkan oleh Mahkamah supaya dibayar oleh mana-mana orang yang disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini dan semua ganti rugi lain yang dibayar di bawah Enakmen ini hendaklah dibayar dalam Kumpulan Wang Wakaf.

BAHAGIAN XI

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

Pemberikuasaan pegawai penguat kuasa

43. Majlis boleh memberi kuasa secara bertulis kepada Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Pegawai Majlis, Pegawai Penguat Kuasa Agama yang dilantik di bawah seksyen Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri atau mana-mana pegawai awam lain untuk menjalankan apa-apa penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan bagi maksud Enakmen ini sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberikuasaan itu.

Kuasa untuk menyiasat

44. Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang penuh dan perlu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri untuk menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan tentang apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

Menghalang pegawai penguat kuasa

45. Mana-mana orang yang-

- (a) menghalang mana-mana pegawai penguat kuasa yang dengan sah menjalankan apa-apa kuasa penyiasatan dan pemeriksaan bagi maksud Enakmen ini;
- (b) apabila dikehendaki oleh pegawai penguat kuasa supaya mengemukakan apa-apa keterangan atau benda yang semunasabahnya dipercayai oleh pegawai penguat kuasa itu sebagai mempunyai kaitan dengan atau dapat memberikan maklumat tentang pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini, berlengah-lengah atau enggan mengemukakannya;
- (c) apabila dikehendaki oleh pegawai penguat kuasa supaya memberi apa-apa maklumat, enggan atau mengabaikan daripada memberi maklumat itu; atau
- (d) menghalang apa-apa penyitaan bagi maksud Enakmen ini,

adalah melakukan sesuatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dihukum dengan penjara selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya.

Pendakwaan

46. Ketua Pendakwa Syarie boleh mengarahkan apa-apa pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

Kuasa Ketua Pendakwa Syarie tidak disentuh

47. Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh disifatkan sebagai menyentuh kuasa-kuasa Ketua Pendakwa Syarie Negeri di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri.....)

Perintah lain oleh Mahkamah

48. Sebagai tambahan kepada apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah di bawah Enakmen ini, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah lain, sama ada dipohon atau tidak oleh pendakwa syarie, yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Pemakaian Bab 6 Bahagian VII Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri

49. (1) Bab 6 Bahagian VII Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri hendaklah terpakai berhubungan dengan pelupusan barang kes dan benda yang menjadi hal perkara kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), seksyen ini tidak terpakai bagi mawquf yang menjadi barang kes atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang dilakukan dan apabila selesai apa-apa prosiding di dalam Mahkamah yang menyentuh mawquf sedemikian Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya mawquf sedemikian diserahkan kepada Majlis.

BAHAGIAN XII

PERUNTUKAN AM

Perisyntiharhan

50. (1) Sebelum memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi mendaftarkan apa-apa *mawquf*, Majlis hendaklah membuat perisyntiharhan mengenainya melalui-

- (a) pemberitahuan yang disiarkan:
 - (i) dalam *Warta*; dan
 - (ii) dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian yang diterbitkan dalam bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian yang diterbitkan dalam apa-apa bahasa lain, dan mempunyai edaran di seluruh negara;
 - (b) dalam hal harta tidak alih, pemberitahuan yang diletakkan di tempat yang mudah dilihat pada *mawquf* itu dan di masjid kariah di tempat *mawquf* itu terletak; dan
 - (c) pemberitahuan yang dihantar kepada *waqif* atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan mengenai *mawquf* itu, atau kedua-duanya.
- (2) Pemberitahuan di bawah perenggan (1)(c) hendaklah-
- (a) diserahkan ke diri *waqif* atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan mengenai *mawquf* itu; atau
 - (b) dihantar melalui pos berdaftar akuan terima kepada *waqif* atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan mengenai *mawquf* itu.
- (3) Jika pemberitahuan dalam perenggan (1)(c) diserahkan melalui pos berdaftar akuan terima, pemberitahuan itu hendaklah disifatkan telah diserahkan pada hari yang mengikut hari pemberitahuan itu sepatutnya

telah diterima dalam perjalanan biasa pos jika pemberitahuan itu dialamatkan-

- (a) dalam hal orang perseorangan, ke alamat biasa atau alamat terakhir yang diketahui bagi waqif atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan mengenai *mawquf* itu; dan
- (b) dalam hal satu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, ke alamat berdaftarnya.

(4) Jika mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan yang kepadanya telah dialamatkan suatu pos akuan terima dahulu yang mengandungi pemberitahuan di bawah perenggan (1)(c) diberitahu bahawa terdapat suatu surat berdaftar yang sedang menunggu untuk dipungut olehnya di pejabat pos, dan mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu enggan atau abai untuk mengambil pemberitahuan itu, pemberitahuan itu hendaklah disifatkan telah diserahkan kepada orang atau pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu pada tarikh orang atau pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu diberitahu.

(5) Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa bantahan terhadap permohonan yang disebut dalam perisyiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1) bolehlah mengemukakan bantahan mereka kepada Majlis dalam masa yang ditetapkan dalam perisyiharan itu.

(6) Majlis hendaklah mempertimbangkan apa-apa bantahan yang dikemukakan di bawah subseksyen (5) sebelum Majlis membuat apa-apa permohonan kepada Mahkamah.

(7) Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri..... hendaklah terpakai bagi apa-apa permohonan yang dibuat kepada Mahkamah bagi maksud seksyen ini.

Pentafsiran surat cara yang mewujudkan atau menyentuh wakaf

51. Jika pada pendapat Majlis bahawa pengertian atau pentafsiran mana-mana surat cara atau perisyiharan yang mewujudkan atau

menyentuh mana-mana wakaf adalah samar-samar atau tidak jelas, Majlis boleh merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa surat cara atau perisyiharan itu bagi mendapatkan keputusan tentang pengertian dan tafsiran mengenainya dan keputusan Jawatankuasa Fatwa mengenainya adalah muktamad.

Hukum Syarak

52. (1) Apa-apa peruntukan atau tafsiran peruntukan-peruntukan Enakmen ini yang tidak selaras dengan Hukum Syarak hendaklah, setakat ketidakselarasan itu, menjadi batal.

(2) Sekiranya ada lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, rujukan hendaklah dibuat kepada Hukum Syarak.

Rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa

53. (1) Majlis hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa untuk mendapatkan apa-apa keputusan yang melibatkan apa-apa isu penentuan Hukum Syarak.

(2) Segala keputusan Jawatankuasa Fatwa berkenaan Enakmen ini menjadi muktamad.

Kecualian

54. Semua wakaf yang terletak hak pada Majlis di bawah Enakmen Pentadbiran hendaklah, apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, disifatkan telah terletak hak pada Majlis di bawah Enakmen ini.

BAHAGIAN XIII

PERUNTUKAN PERALIHAN

Pengesahan wakaf yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

55. (1) Walau apa pun subseksyen Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri) 1960, perenggan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri) 1991 dan perenggan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri) 200..., mana-mana orang yang, sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini telah mewakafkan hartanya, atau orang yang diberi kuasa olehnya, atau jika orang yang telah mewakafkan hartanya telah meninggal dunia, waris orang itu, atau pemegang amanah *mawquf* itu, hendaklah, dalam masa enam bulan daripada tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, mendaftarkan *mawquf* itu menurut peruntukan Enakmen ini.

(4) Tertakluk kepada seksyen 49, jika orang yang disebut di bawah subseksyen (1) gagal mendaftarkan *mawquf* itu, Majlis hendaklah memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi mendaftarkan *mawquf* itu.

(5) Mana-mana *mawquf* yang telah diletakhakkan kepada Majlis sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah terus terletakhak kepada Majlis bagi maksud Enakmen ini.

(6) Mana-mana wakaf yang sah mengikut Enakmen yang terdahulu hendaklah terus sah bagi maksud Enakmen ini.

(7) Bagi maksud mengelakkan apa-apa keraguan, semua peruntukan Enakmen ini hendaklah terpakai bagi harta yang diwakafkan sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

Majlis hendaklah memohon kepada mahkamah untuk mendaftarkan *mawquf* jika *waqif* tidak dapat dikesan

56. Walau apa pun seksyen 55 dan tertakluk kepada seksyen 49, jika Majlis mempunyai apa-apa alasan yang munasabah untuk mempercayai

bahawa sesuatu harta telah diwakafkan sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini, tetapi waqifnya tidak dapat dikesan, Majlis hendaklah memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi mendaftarkan *mawquf* itu.

Perakuan Mawquf bagi wakaf yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini

57. (1) Majlis hendaklah mengeluarkan suatu Perakuan *Mawquf* bagi apa-apa *mawquf* yang didaftarkan di bawah subseksyen 55(1) dan (2) dan seksyen 56.

(2) Perakuan *Mawquf* hendaklah menjadi keterangan *prima facie* di dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil tentang kesahan wakaf itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini yang boleh menjadikan tidak sah apa-apa wakaf, sama ada yang didaftarkan atau tidak, yang berkenaan dengannya Perakuan *Mawquf* telah tidak dikeluarkan.

Peletakhakan mawquf berhubung wakaf yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini

58. (1) Majlis hendaklah mengambil segala langkah yang perlu dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan untuk meletakhkan kepada Majlis semua *mawquf* yang didaftarkan di bawah subseksyen 55(1) dan (2) dan seksyen 56.

(2) Apa-apa *mawquf* yang diletakhkan kepada Majlis hendaklah terletakhak kepada Majlis tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahan, penyerahhakan, atau pemindahmilikan dan hendaklah terletakhak sedemikian dengan hakmilik estet atau kepentingan dan pegangan yang serupa sebagaimana harta itu terletakhak sebelum pendaftaran *mawquf* itu di bawah subseksyen 55(1) dan (2) dan seksyen 56.

(3) Apa-apa *mawquf* yang telah diletakhkan kepada Majlis ini tidak boleh dipindahhukkan diserahkan, diserahhukkan, digadaikan, dicagarkan, dipinjamkan atau dipindahmilikkan kecuali bagi maksud

subseksyen 6(1) atau menurut fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa.

Pelantikan pemegang amanah selain Majlis terbatal kecuali mendapat kebenaran bertulis Majlis

59. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 3(1)(a) dan (b), jika berkenaan dengan suatu wakaf yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini, mana-mana orang selain Majlis telah dilantik sebagai pemegang amanah, pelantikan orang itu adalah terbatal dalam masa enam bulan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini atau apabila mawquf itu didaftarkan, mengikut mana-mana yang lebih dahulu.

Majlis hendaklah mendapatkan pendapat Jawatankuasa Fatwa jika mawquf-alaih tidak dapat dikesan

60. Majlis hendaklah mendapatkan arahan Jawatankuasa Fatwa jika mawquf-alaih bagi sesuatu wakaf yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini-

- (a) dalam hal orang perseorangan, telah mati;
- (b) dalam hal orang yang diperbadankan, persatuan, atau institusi, tidak wujud lagi; atau
- (c) tidak dapat dikesan.

BAHAGIAN XIV

PELBAGAI

Perbuatan yang dilakukan pada menjangkakan pembuatan Enakmen ini

61. Segala perkara yang dilakukan oleh Majlis atau mana-mana orang bagi pihak Majlis dalam menyediakan dan ke arah pelaksanaan yang sepatutnya mana-mana peruntukan Enakmen ini, termasuk penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dan apa-apa pelantikan di bawah Enakmen ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya, pada menjangkakan Enakmen ini akan diperbuat hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Enakmen ini, dan segala hak yang diperoleh atau kewajipan yang dikenakan ke atas Majlis dan bagi pihak Majlis daripada apa-apa jua yang dilakukan sedemikian hendaklah apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan kewajipan Majlis.

JADUAL PERTAMA
[Subseksyen 2(3)]

PERKATAAN/UNGKAPAN TERTENTU	SKRIP BAHASA ARAB
<i>Hakim</i>	حکیم
<i>Baitulmal</i>	بیت المال
<i>Hukum Syarak</i>	حكم شرع
<i>Istibdal</i>	استبدال
<i>Kariah</i>	قریة
<i>Maradal-Maut</i>	مرض الموت
<i>Mawquf</i>	موقوف
<i>Mawquf Alaih</i>	موقوف عليه
<i>Muabbad</i>	مؤبد
<i>Mufti</i>	مفتي
<i>Syariah</i>	شريعة
<i>Sighah</i>	صيغة
<i>Wakaf</i>	وقف
<i>Wakaf Am</i>	وقف عام
<i>Wakaf Khas</i>	وقف خاص
<i>Wakaf Irsod</i>	وقف ارصاد
<i>Wakaf Musyak</i>	وقف مشع
<i>Wakaf Musytarak</i>	وقف مشترك
<i>Waqif</i>	واقف
<i>Taklik Wakaf</i>	تعليق وقف
<i>Ummah</i>	امة

JADUAL KEDUA
[Seksyen 25]

Keanggotaan Jawatankuasa

1. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah daripada kalangan anggota Majlis;
- (b) penasihat undang-undang negeri atau wakilnya;
- (c) Mufti atau wakilnya;
- (d) Setiausaha Majlis atau wakilnya;
- (e) Pengarah Tanah dan Galian Negeri atau wakilnya; dan
- (f) Dua orang anggota lain yang dilantik oleh Majlis daripada kalangan orang Islam yang kerana pengetahuan dan pengalaman mereka dalam pengurusan dan pembangunan wakaf boleh membantu Majlis.

(2) Jika anggota di bawah subsubperenggan (b) dan (e) bukan beragama Islam hendaklah dilantik wakil yang beragama Islam.

Jawatankuasa hendaklah melaksanakan arahan yang diberikan oleh Majlis

2. (1) Majlis boleh memberikan arahan kepada Jawatankuasa dari semasa ke semasa tentang pelaksanaan fungsi-fungsi Jawatankuasa di bawah Enakmen ini dan Jawatankuasa hendaklah melaksanakan arahan yang diberikan itu.

(2) Arahan yang disebut dalam subperenggan (1) bolehlah termasuk arahan-arahan:

- (a) untuk memberikan kepada Majlis apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat tentang aktiviti-aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis dari semasa ke semasa;
- (b) untuk mengemukakan bagi pemeriksaan Majlis apa-apa akaun dan rekod yang disimpan dan disenggarakan oleh Jawatankuasa termasuklah akaun dan rekod dalam mentadbirkan Kumpulan Wang Wakaf; dan
- (c) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang disifatkan suai manfaat oleh Majlis bagi tujuan mengawal selia pengurusan Jawatankuasa.

Tempoh memegang jawatan

3. (1) Anggota Jawatankuasa Pengurusan Wakaf yang dilantik di bawah subsubperenggan 1(1)(f) hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan boleh dilantik semula, sama ada atau tidak bagi suatu tempoh yang berturut-turut.

(2) Walau apa pun perenggan 5 dan 6, pelantikan anggota Jawatankuasa Pengurusan Wakaf di bawah subsubperenggan 1(1)(f) boleh, pada bila-bila masa, ditamatkan oleh Majlis tanpa memberi apa-apa sebab.

(3) Anggota Jawatankuasa Pengurusan Wakaf yang dilantik di bawah subsubperenggan 1(1)(f) boleh, pada bila-bila masa, meletakan jawatan dengan memberi suatu notis bertulis yang dialamatkan kepada Majlis.

Elaun

4. Anggota Jawatankuasa bolehlah dibayar apa-apa elauan yang ditentukan oleh Majlis.

Pelantikan dan peletakan jawatan

5. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, Pengerusi dan anggota Jawatankuasa yang dilantik masing-masing di bawah subsubperenggan 1(1)(a) dan (f) hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan hendaklah, apabila terhenti daripada menjadi anggota, layak untuk dilantik semula.

(2) Pelantikan Pengerusi dan mana-mana anggota yang dilantik masing-masing di bawah subsubperenggan 1 (1)(a) dan (f) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Majlis tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(3) Pengerusi dan mana-mana anggota yang dilantik masing-masing di bawah subsubperenggan 1(1) (a) dan (f) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan melalui surat yang ditujukan kepada Majlis.

Pengosongan jawatan

6. (1) Jawatan Pengerusi atau anggota Jawatankuasa yang dilantik masing-masing di bawah subsubperenggan 1(1)(a) dan (f) hendaklah dikosongkan-

- (a) jika dia meninggal dunia;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan:
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda, selama lebih daripada dua tahun;

- (c) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai Pengerusi atau sebagai seorang anggota Jawatankuasa atau selainnya, adalah kelakuan yang mencemarkan nama Jawatankuasa;
- (d) jika dia menjadi bankrap;
- (e) jika beliau tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya; dan
- (f) dalam hal seorang anggota, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi seorang anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Enakmen ini, seorang yang lain hendaklah dilantik untuk menggantikan tempatnya mengikut peruntukan yang terpakai bagi baki tempoh jawatan anggota yang terhenti memegang jawatan sedemikian.

Mesyuarat

7. (1) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun pada masa dan tempat yang ditentukan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

(2) Pada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa, lima orang anggota hendaklah membentuk suatu kourum.

(3) Tiap-tiap anggota berhak kepada satu undi.

(4) Jika mengenai apa-apa soal yang hendak ditentukan oleh Jawatankuasa terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

Jawatankuasa boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat

8. (1) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau penimbangtelitian Jawatankuasa bagi tujuan menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkannya, tetapi mana-mana orang yang hadir itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau penimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Jawatankuasa dengan kelulusan Majlis.

Minit

9. (1) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan kesemua minit mesyuarat Jawatankuasa disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani oleh Pengerusi, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa yang minit berkenaan dengan prosidingnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Penzahiran kepentingan

10. (1) Seseorang anggota Jawatankuasa yang mempunyai, secara langsung atau secara tidak langsung, secara sendiri atau melalui pekongsinya:

- (a) suatu kepentingan dalam mana-mana syarikat atau usaha yang dengannya Jawatankuasa bercadang hendak membuat suatu kontrak; atau

- (b) suatu kepentingan dalam suatu kontrak atau perkara yang sedang dibincangkan oleh Jawatankuasa,

hendaklah menzahirkan kepada Jawatankuasa hakikat dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Jawatankuasa dan anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam penimbangtelitian atau keputusan Jawatankuasa yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Kesahan tindakan dan prosiding

11. Tiada apa-apa tindakan yang dilakukan atau prosiding yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa-

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Jawatankuasa itu;
- (b) ada pelanggaran oleh mana-mana anggota Jawatankuasa mengenai peruntukan perenggan 6; atau
- (c) ada apa-apa ketinggalan, kecacatan atau ketidakakuratan yang tidak menyentuh merit sesuatu kes itu.

Jawatankuasa boleh menetapkan tatacaranya sendiri

12. Tertakluk kepada arahan Majlis dan peruntukan-peruntukan lain dalam Enakmen ini, Jawatankuasa boleh menetapkan tatacaranya sendiri.

Anggota Jawatankuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Jawatankuasa

13. Tiap-tiap anggota Jawatankuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Jawatankuasa sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan tugas-tugasnya secara berkesan.

Laporan tahunan

- 14.** Jawatankuasa hendaklah mengemukakan kepada Majlis laporan mengenai semua wakaf bagi tahun yang terdahulu tidak lewat daripada 30 Jun bagi setiap tahun.

PENUTUP

JAWHAR TELAH BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MENGHASILKAN **MPMPW** YANG KOMPREHANSIF BAGI MEMBANTU **MAIN** MENGGUBAL ENAKMEN UNDANG-UNDANG WAKAF YANG SERAGAM BAGI SELURUH NEGARA.

WALAU BAGAIMANAPUN TIDAKLAH BERMAKNA **MPMPW** BERSIFAT JUMUD DAN TIDAK BOLEH DIPINDA OLEH **MAIN**, IANYA ADALAH TERTAKLUK KEPADA KESESUAIAN **MAIN** ITU SENDIRI.

JAWHAR JUGA MENGALU-ALUKAN SEBARANG MAKLUM BALAS DAN PENAMBAHBAIKAN KE ATAS **MPMPW** INI.